

PM: Malaysia sudah diiktiraf negara Islam

UM 8 JUL 2001

KUALA LUMPUR 7 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, UMNO tidak pernah menolak penubuhan sebuah negara Islam sebaliknya percaya Malaysia sudah boleh diiktiraf memiliki ciri-ciri tersebut.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sebenarnya sudah menjadi negara Islam tanpa menjejaskan hak-hak kaum lain dan penganut agama lain.

“UMNO tidak tolak negara Islam, kita cuma anggap negara kita ini juga adalah ditafsirkan sebagai negara Islam kerana dalam negara Islam boleh ada kaum-kaum lain yang menganuti agama-agama lain dan agama Islam menyuruh kita melayan kaum-kaum lain secara adil,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam ucapan penggulungannya pada Konvensyen Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau yang juga Presiden BN mengingatkan bahawa pemimpin-pemimpin parti Perikatan yang kini dikenali sebagai BN selalu memberi pertimbangan sewajarnya kepada semua kaum meliputi agihan kuasa, hak, bahasa dan agama di dalam negara.

Perdana Menteri menjelaskan usaha UMNO mengadakan perjumpaan dengan Pas baru-baru ini bagi membincangkan isu perpaduan Melayu, bukan bermaksud untuk menentang kaum-kaum lain tetapi demi mempertahankan apa yang telah termaktub dalam perlembagaan dan dipersetujui oleh semua kaum di Malaysia.

“Kita bukan bersandiwara seperti Pas. Apabila kita mencadangkan supaya diadakan perbincangan berkenaan perpaduan Melayu mereka menolak kononnya lebih mengutamakan perpaduan nasional iaitu perpaduan semua kaum.

“Perpaduan semua kaum tidak perlu diusahakan oleh Pas kerana telah pun diusahakan dengan jayanya oleh BN. Oleh itu tak perlulah Pas bersandiwara berkenaan perpaduan nasional ini.

Kita tahu hasrat Pas, di satu pihak dia hendakkan perpaduan nasional, di pihak satu lagi dia merancang kononnya hendak mendirikan negara Islam corak Pas,” katanya.

Dr. Mahathir berbangga kerana jurucakap parti-parti komponen pada perbahasan hari ini, bercakap dengan cara baik tanpa membuat tuduhan tidak berasas, tidak memaki parti lawan khususnya Pas berbanding yang dilakukan mereka da-

lam ceramah-ceramah politik.

“Mereka akan menggelar pemimpin BN terutama saya sebagai anjing, dajal dan pelbagai kata-kata kesat yang dilemparkan kepada kita. Tetapi kita tidak biadap seperti itu dan tidak akan jawab dengan jawapan yang sama,” katanya.

Menurut beliau, BN dan pemimpin-pemimpinnya akan tetap bertindak secara sopan dan tertib tanpa niat untuk memaki-hamun sesi-

apa sebaliknya akan mendedahkan kesalahan serta sandiwara yang dimainkan oleh pemimpin pembangkang.

Sementara penyokong pembangkang gembira mendengar pemimpin mereka mengeluarkan perkataan kesat, Dr. Mahathir berkata, BN tidak perlu berbuat demikian kerana yakin majoriti rakyat tidak suka cara maki-hamun bahkan mahu melihat penjelasan yang baik untuk mereka menentukan pendirian.